

23 FEB 2000

Mahkamah-Saidin

KES SAIDIN DILAPOR KEPADA BPR LIMA HARI SEBELUM PEMILIHAN UMNO BAHAGIAN

SHAH ALAM, 23 Feb (Bernama) -- Mahkamah Sesyen di sini hari ini diberitahu bahawa laporan yang menuduh bekas Anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor, Datuk Saidin Thamby, 64, menerima wang rasuah hanya dikemukakan kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR) lima hari sebelum pemilihan Ketua Umno Bahagian Selayang diadakan.

Peguam Saidin, Shafee Abdullah berkata laporan itu diperolehi BPR pada 24 Mac 1998 iaitu kira-kira setahun selepas kesalahan rasuah itu dikatakan berlaku dan lima hari sebelum pemilihan Ketua bahagian Umno Selayang diadakan dengan Saidin dijangka akan mempertahankan jawatannya sebagai ketua bahagian.

Katanya perebutan jawatan ketua bahagian Umno Selayang menyaksikan pertandingan tiga penjuror yang turut membabitkan Akauntan Awam, Datuk Dr Hanifah Nordin yang merupakan saksi utama kes ini sebagai seorang daripada pencabar Saidin.

Shafee berkata demikian semasa menyoal balas Hanifah yang merupakan saksi utama kes rasuah membabitkan Saidin yang dituduh menerima sekeping cek bernilai RM1 juta daripada Syarikat Nusantara Network Sdn Bhd pada 15 Mac 1997 lebih kurang pukul 12 tengah malam di No. 2, Jalan Selaseh 4, Taman Selaseh, Batu Caves dalam Daerah Gombak.

Wang itu dikatakan sebagai upah bagi membantu syarikat terbabit untuk mendapatkan kelulusan daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor supaya diberikan sekeping tanah kerajaan di sebahagian daripada Lot 4287, Section 4, Pekan Batu Caves, Mukim Batu, Gombak untuk dimajukan.

Saidin yang juga merupakan bekas Anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Paya Jaras dituduh melakukan kesalahan itu mengikut Seksyen 3(a) (i) Akta Pencegah Rasuah 1961 yang membawa hukuman penjara sehingga lima tahun atau denda RM10,000 atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Terdahulu Shafee telah mengemukakan satu laporan polis yang dibuat oleh Saidin pada 10 April 1998 yang mendakwa bahawa beliau diminta oleh seorang lelaki, Abdul Rahim Osman pada 24 Mac supaya tidak bertanding mempertahankan jawatan sebagai ketua bahagian sekiranya tidak mahu kes rasuah tersebut dilaporkan kepada BPR.

Shafee berkata menurut laporan polis itu Saidin menyatakan bahawa Rahim mengaku sebagai orang yang dihantar oleh Hanifah untuk berbincang dengannya mengenai perkara tersebut.

Hanifah menafikan bahawa beliau ada menghantar sesiapa untuk menemui Saidin membincangkan perkara itu dan jika beliau berhasrat untuk memiliki jawatan ketua bahagian dengan cara itu, beliau boleh melakukannya dengan cara merebut jawatan sebagai Timbalan Ketua Bahagian Selayang dan kemudian membuat laporan kes rasuah Saidin.

Bagaimanapun, Hanifah mengakui bahawa beliau ada menghantar surat kepada bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang pada masa itu merupakan pengerusi jawatankuasa pengurusan dan disiplin Umno pada 3 April 1998 melaporkan kes rasuah yang membabitkan Saidin, iaitu selepas Saidin berjaya mempertahankan jawatannya.

Hanifah sebelum itu memberitahu mahkamah bahawa beliau sudah beberapa kali cuba untuk mendapatkan resit bagi cek berjumlah RM1 juta yang diberikan kepada Saidin, namun Saidin sentiasa berdalih.

Katanya beliau mengambil keputusan untuk bertanding mencabar Saidin sebagai Ketua bahagian Umno Selayang apabila Saidin meminta tambahan RM1 juta lagi daripadanya beberapa minggu sebelum pemilihan.

Menurutnya ini kerana beliau pada ketika itu sudah yakin bahawa Saidin adalah pemimpin yang korup dan tidak seharusnya dibenarkan menyandang jawatan Ketua Bahagian Umno Selayang.

Pada satu ketika Hakim Suraya Othman menegur Shafee apabila peguam Saidin itu berhujah mengenai adanya konspirasi oleh pihak tertentu yang berusaha menjatuhkan Saidin pada pemilihan itu dan BPR bertindak mengambil tindakan undang-undang ke atas Saidin kerana desakan pihak berkenaan.

Timbalan Pendakwa Raya Datuk Zaki Yassin pula membantah soalan Shafee yang bertanyakan adakah nama Hanifah juga tersenarai sebagai seorang daripada penerima projek kerajaan sebagaimana yang didedahkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada tahun 1998 dengan alasan ia tidak relevan.

Bantahan itu bagaimanapun ditolak dan Hanifah mengakui beliau seorang daripada penerima projek itu.

Perbicaraan disambung esok.

-- BERNAMA

AZH RHM